

# UMS jalin kerjasama University of Leiden



**Rombongan UMS**, kakitangan University of Leiden dan kakitangan akademik UMS, Liew Thor Seng (tiga dari kiri) dan Zarina Waheed (kanan sekali) yang sedang melanjutkan pengajian di universiti berkenaan.

UM 29/11/2012 V4

**Kota Kinabalu:** Bagi memperkasakan bidang penyelidikan dan pembangunan inovasi, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan pelbagai usaha termasuk menjalankan kerjasama persefahaman pada peringkat antarabangsa.

Terbaru, UMS menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Naturalis Biodiversity Centre (NBC), University of Leiden, Amsterdam.

UMS diwakili Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pendaftar, Datuk Abdullah Mohd Said manakala University of Leiden diwakili Pengarah Bersekutu Penyelidikan NBC, Dr Jan Van Tol dan Ketua Jabatan Zoologi Marin NBC, Dr Bert W Hoeksema.

Prof Mohd Harun berkata, MoU itu susu-

lan daripada lawatan kerja Yang Dipertua Negeri Sabah yang juga Canselor UMS, Tun Juhar Mahiruddin Mac lalu.

## Biodiversiti marin

Katanya, MoU berkenaan merangkumi penyelidikan bersama dalam bidang biodiversiti marin dan biodiversiti terestrial.

“Satu daripada tumpuan dalam kerjasama ini berkaitan kajian terumbu karang yang akan dilaksanakan bersama dengan Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS,” katanya.

Yang turut hadir ialah Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Dr Felix Tongkul dan Timbalan Pendaftar Kanan UMS, Mohd Raffie Janau.



**Prof Mohd Harun** (dua dari kanan) bertukar dokumen dengan Van Tol.